

NOVEL TIRANI

Tema

Tema novel ini ialah kecantikan fizikal seseorang hanya bersifat sementara tetapi ilmu pengetahuan yang dimiliki mampu melindungi kelemahan diri. Waheeda yang bijak dan gigih berusaha dalam memajukan perniagaannya, telah melakukan pembedahan rekonstruksi hidung bagi menjadikan dirinya cantik kerana hidungnya pesek, tambahan pula hidungnya itu digigit oleh seekor monyet. Pembedahan itu menjadikan hidung Waheeda mancung dan dia kelihatan berwibawa. Namun begitu, kecantikannya itu menyebabkan dirinya dibebani pelbagai tugas dan harapan. Meskipun dia mempunyai pengetahuan dan motivasi diri yang tinggi, Waheeda tidak berupaya untuk memikul semua tugas tersebut sepenuhnya. Malahan, dia gagal dalam rumah tangga kerana suaminya yang cemburu meragui status anak mereka kerana wajah bayi itu tidak mewarisi kecantikan Waheeda.

Persoalan

1. Persoalan kasih sayang ibu kepada anaknya

Raidah sangat sayang akan anaknya, iaitu Waheeda. Buktinya, dia tidak jemu-jemu memujuk

Waheeda ketika anaknya itu balik dari sekolah dengan marah-marah atau meraung kerana diejek oleh rakan-rakannya.

2. Persoalan amalan kerjasama akan menghasilkan kejayaan

Waheeda dan semua kakitangan Tajau Emas mengamalkan budaya bekerjasama bagi memajukan perniagaan Tajau Emas dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dan rancangan.

3. Persoalan menyanjung adat dan budaya warisan nenek moyang

Raidah mementingkan adat dan budaya warisan nenek moyangnya dalam kehidupan sehari-harian.

4. Persoalan sikap cemburu dan panas baran membawa penyesalan

Zahid beranggapan bahawa kemalangan jalan raya yang dialaminya sehingga menyebabkan kakinya cacat merupakan balasan Tuhan atas perbuatannya menceraikan Waheeda yang tidak bersalah.

5. Persoalan keberanian menempuh cabaran dalam kerjaya

Waheeda berani menempuh setiap cabaran yang dihadapinya dalam menguruskan perniagaan Tajau Emas di Sarawak dan Aya-Sajinah di Cameron Highlands.

6. Persoalan hubungan persahabatan yang erat

Waheeda dan Bazilah menjalinkan hubungan persahabatan yang rapat ketika menuntut di Universiti Teknologi Malaysia. Persahabatan itu bertambah erat apabila Waheeda menumpang sementara di rumah yang didiami oleh Bazilah di Singapura ketika mendapatkan rawatan pembedahan plastik di sana.

Teknik plot

Teknik dialog	- Waheeda berbual-bual dengan Bazilah tentang rasa ketupat lepas yang sedang dimakan oleh mereka.
Teknik monolog	- Waheeda bercakap sendirian ketika tinggal berseorangan di rumah Bazilah setelah rakannya itu menghadiri kuliah.
Teknik monolog dalaman	- Waheeda terlalu teruja untuk membuat pembedahan plastik pada wajahnya.
Teknik imbas kembali	- Waheeda teringat akan pengalamannya menari Long Dance atau Hivan Jon sewaktu majlis budaya.
Teknik kejutan	- Waheeda terkejut apabila Zahid menuduhnya curang dan tidak mengakui Izzati sebagai anak kandungnya sendiri.

Watak dan Perwatakan

Waheeda (Watak utama)	<p>a. Waheeda anak kedua (bongsu) Raidah dan Fadhil serta adik Ghazi.</p> <p>b. Dia juga isteri Zahid dan ibu Izzati.</p> <p>c. Sejak kecil hingga remaja, wajah Waheeda kurang menarik.</p> <p>d. Dia berpendidikan tinggi. Buktinya, dia berkelulusan ijazah dalam bidang pengurusan perniagaan dan pelancongan dari Universiti Teknologi Malaysia.</p> <p>e. Waheeda usahawan wanita yang berani dan berwibawa. Buktinya, dia berani menceburi bidang perniagaan pelancongan meskipun masih muda dan baru bergelar graduan.</p> <p>f. Dia cekal menghadapi cabaran hidupnya. Buktinya, dia cekal menghadapi sikap suaminya yang kuat cemburu dan panas baran.</p> <p>g. Waheeda bijak. Buktinya, dia memanfaatkan masa terluang sementara menunggu rawatan susulan dengan bekerja sementara sebagai Pegawai Perhubungan Awam (PRO) di Flamingo Resort untuk menimba pengetahuan menguruskan sebuah pusat penginapan yang bertaraf tinggi.</p> <p>h. Waheeda berdikari. Buktinya, dia enggan menggabungkan Syarikat Tajau Emas dengan Seri Gading kerana tidak mahu bergantung kepada Datuk Yasser yang mempunyai nama dan kedudukan yang tinggi di mata masyarakat.</p> <p>i. Dia berwawasan. Buktinya, dia memberi peluang kepada Izzati untuk mendalami ilmu pengurusan pelancongan di universiti dan membantunya menguruskan Aya-Sajinah sebelum Izzati menyambung perniagaannya itu kelak.</p>
Zahid	<p>a. Zahid ialah anak sulung Datuk Yasser dan Datin Hazirah. Dia mempunyai dua orang adik.</p> <p>b. Dia juga suami Waheeda dan ayah Izzati.</p> <p>c. Dia kacak. Dia berketurunan Arab daripada sebelah bapanya.</p> <p>d. Zahid berpendidikan tinggi. Buktinya, dia berkelulusan sarjana undang-undang dari Universiti Chicago, Amerika Syarikat.</p> <p>e. Dia mencintai alam sekitar. Buktinya, dia menikmati pemandangan pada waktu pagi di sekitar Chalet Tajau Emas dengan perasaan syukur, gembira, dan tenang.</p> <p>f. Zahid kuat cemburu. Buktinya, dia cemburu dan marah apabila melihat kemesraan Waheeda dengan Dr. Rushdi sehingga hampir menumbuk doktor tersebut.</p>

	<ul style="list-style-type: none">g. Dia juga mudah berprasangka buruk. Buktinya, dia menyangka Waheeda sudah berubah hati apabila Waheeda tidak dapat pulang pada hari pertunangan mereka.h. Dia suami yang tidak bertanggungjawab. Buktinya, dia langsung tidak melawat Waheeda dan anak mereka yang baru lahir di hospital.i. Zahid juga emosional. Buktinya, dia terburu-buru menceraikan Waheeda.j. Pada akhir cerita, Zahid insaf dan berani mengakui kesalahannya. Buktinya, dia menemui Waheeda dan Izzati untuk mengakui kesalahannya serta meminta maaf.
Raidah	<ul style="list-style-type: none">a. Raidah ialah ibu Waheeda dan Ghazi serta isteri Fadhil. Dia juga ibu mentua Fatimah dan Zahid serta nenek Izzati.b. Dia pandai memasak, terutama masakan masyarakat Sarawak. Buktinya, dia pandai memasak bubur pedas, pansuh manok, ketupat lepas, dan nasi dagang berserta sambal tumis sotong. Keenakan masakannya dipuji oleh Zahid.c. Dia penyayang. Buktinya, dia sanggup menemani Waheeda menjalani pembedahan di Singapura.d. Dia prihatin akan masalah anak-anaknya. Buktinya, dia memujuk Waheeda yang menangis dan menjerit apabila pulang dari sekolah kerana diejek oleh kawan-kawannya.e. Raidah juga berpegang kuat pada adat masyarakatnya selagi adat tersebut tidak bertentangan dengan ajaran agama. Buktinya, dia membuat ketupat lepas untuk disedekahkan ke masjid supaya pembedahan yang dijalani oleh Waheeda dipermudah oleh Tuhan.
Datuk Yasser	<ul style="list-style-type: none">a. Datuk Yasser ialah suami Datin Hazirah dan bapa Zahid. Beliau juga bapa mentua Waheeda dan datuk Izzati.b. Usianya 50-an, memakai cermin mata tebal, dan berbadan montel. Beliau berketurunan Arab.c. Datuk Yasser usahawan bumiputera yang gigih membangunkan perniagaannya. Buktinya, beliau mengusahakan syarikat pengangkutan, iaitu Bahterangkut, kemudian membangunkan Hotel Seri Gading.d. Beliau berpengetahuan luas dan bijak. Hal ini demikian kerana beliau gemar membaca, terutama rencana ekonomi.e. Beliau penyayang. Buktinya, beliau sanggup bercuti bersama-sama Zahid di Singapura apabila Zahid pulang dari Amerika Syarikat untuk meluangkan masa bersama-sama anaknya itu.f. Beliau matang dan tenang dalam bertindak. Buktinya, beliau tenang dan tabah ketika menerima khabar tentang Waheeda yang tidak pulang pada hari pertunangan dengan Zahid.g. Beliau berpandangan jauh. Buktinya, beliau mengemukakan idea supaya Seri Gading dan Tajau Emas bergabung sebagai sebuah syarikat supaya kedua-dua syarikat menjadi lebih maju.h. Datuk Yasser juga berfikiran terbuka. Buktinya, dia dapat menerima alasan Waheeda yang tidak mahu menggabungkan Tajau Emas dengan syarikatnya.

Latar

1. Latar tempat

- a. Di Pusat Inap Desa Tajau Emas - Hidung dan muka Waheeda cedera kerana dia diserang oleh seekor monyet.
- b. Di bilik wad Hospital Pakar Norman - Waheeda melahirkan Izzati.
- c. Di rumah bapa saudara Bazilah di Yishun, Singapura - Raidah datang secara mengejut untuk menemani Waheeda dan memberikan sokongan moral kepadanya sebelum menjalani pembedahan.
- d. Di Silicon Medical Center (SMC), Singapura - Waheeda menjalani pembedahan hidung dan pipinya.
- e. Di Flamingo Resort, Singapura - Waheeda berkenalan dengan Zahid.
- f. Di Aya-Sajinah, Cameron Highlands - Zahid mengakui kesalahannya dan meminta maaf daripada Izzati dan Waheeda.

2. Latar masa

- a. Pada waktu pagi - Waheeda disorong ke bilik bedah pada hari Rabu, pukul 11.30 pagi untuk menjalani pembedahan plastik pada wajahnya.
- b. Pada waktu tengah hari - Waheeda makan tengah hari di sebuah restoran bersama-sama Nurjihan.
- c. Pada waktu petang - Waheeda pergi ke Cafe Iwani pada waktu petang dan melihat Lais serta Izzati sedang berbual-bual dengan Zahid.
- d. Pada waktu malam - Waheeda menghantar e-mel kepada Ghazi untuk bercerita tentang rawatan integrasi yang bakal dijalaninya

3. Latar masyarakat

- a. **Masyarakat korporat bumiputera** - Antaranya ialah Waheeda, Datuk Yasser, dan Abdul Aziz yang mengusahakan perniagaan pelancongan.
- b. **Masyarakat kampung yang kuat berpegang pada adat dan budaya tradisional** - Raidah dan Fadhil berpegang kuat pada adat dan budaya tradisional masyarakat mereka selagi adat tersebut tidak bercanggah dengan hukum agama.
- c. **Masyarakat belia yang berpendidikan dan berjaya** - Waheeda, Zahid, Dr. Rushdi, dan Dr. Zahari, antara belia yang berjaya dalam karier mereka.
- d. **Masyarakat yang saling bekerjasama dan bermuafakat** - Semua pekerja Tajau Emas saling bekerjasama dan bermuafakat dalam menyediakan kemudahan dan aktiviti yang menarik kepada para pengunjung.
- e. **Masyarakat yang tidak bertanggungjawab, emosional, dan kuat cemburu** - Zahid tidak bertanggungjawab sebagai suami, emosional, dan kuat cemburu.

Nilai

1. Nilai kasih sayang

Waheeda sangat menyayangi suaminya sehingga sanggup menghadapi kerenah Zahid yang kuat cemburu.

2. Nilai kerjasama

Para pekerja Tajau Emas, Silicon Medical Centre, dan Aya-Sajinah mengamalkan budaya kerjasama yang tinggi.

3. Nilai keberanian

Waheeda berani dan yakin apabila membuat pinjaman daripada tabung usahawan siswazah untuk mengusahakan perniagaan pelancongan walaupun dia masih muda dan tiada pengalaman.

4. **Nilai kesyukuran**
Waheeda bersyukur apabila pembedahan wajah yang dijalannya berjaya.
5. **Nilai berdikari**
Waheeda enggan bergabung dengan Syarikat Seri Gading kerana mahu berdikari memajukan Tajau Emas.
6. **Nilai kerajinan**
Datuk Yasser rajin menimba ilmu pengetahuan dengan membaca rencana, terutama berkaitan dengan ekonomi.

Pengajaran

1. **Kita hendaklah berani meneroka bidang yang baharu.**
Waheeda berani membuka perniagaan dalam bidang pelancongan berbekalkan ilmu pengetahuan yang diperolehnya semasa di universiti selain keyakinan diri.
2. **Kita hendaklah bekerjasama bagi menjayakan sesuatu usaha.**
Waheeda dan para pekerja di Tajau Emas bekerjasama dalam apa-apa aktiviti demi mengembangkan perniagaan mereka.
3. **Kita hendaklah tabah dalam menempuh cabaran hidup.**
Waheeda tabah menempuh cabaran hidupnya yang terpaksa berhadapan dengan sikap Zahid yang amat cemburu.
4. **Kita janganlah bertindak terburu-buru dalam membuat keputusan supaya tidak menyesal pada hari kemudian.**
Tindakan Zahid terburu-buru menceraikan Waheeda tanpa melihat laporan DNA tentang status Izzati sebagai anak kandungnya janganlah kita ikuti
5. **Kita hendaklah berani mengakui kesalahan diri dan meminta maaf daripada orang lain.**
Zahid berani mengakui kesilapannya serta berani meminta maaf daripada Waheeda dan Izzati atas kesalahannya kepada mereka.